

Rabu, 22 April 2020 | 11:09am



Anggota KPDNHEP menunjukkan tangki minyak yang diubah suai pada kereta Proton Iswara untuk mengisi minyak petrol seludup. Foto NSTP/ihsan KPDNHEP

## Ditahan sedang isi minyak petrol seludup

Oleh Syaherah Mustafa  
bhnews@bh.com.my

**TANAH MERAH:** Seorang lelaki terkejut apabila didatangi pihak berkuasa ketika leka mengisi minyak petrol untuk diseludup ke Thailand di sebuah stesen minyak di Kampung Chedok, di sini, jam 2.45 petang semalam.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal (KPDNHEP) Cawangan Tanah Merah, Ahmad Azizi Abdul Kadir, berkata, dalam operasi itu, anggotanya bersama Agensi Kawalan Sempadan Kawalan Malaysia (AKSEM) mengesan kegiatan terbabit selepas membuat pemantauan sekitar Tanah Merah.

Katanya, suspek yang juga lelaki tempatan berusia 34 tahun itu, cuba melarikan diri sebaik menyedari kehadiran anggotanya namun berjaya ditahan.

"Hasil pemeriksaan ke atas kereta jenis Proton Iswara mendapati suspek mengubah suai tangki minyak kepada saiz yang lebih besar dipercayai memudahkannya mengisi petrol dengan jumlah yang banyak bagi tujuan penyeludupan.

"Selain itu, sebanyak 79 liter minyak petrol diisi di dalam tangki kenderaan terbabit dan dipercayai boleh ditambah lagi melihat kepada saiz tangki yang diubah suai.

KPDNHEP menahan suspek selain merampas kereta miliknya untuk siasatan lanjut.

"Suspek disyaki memiliki barang kawalan iaitu minyak petrol dengan niat untuk melakukan kesalahan dan kes ini disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Ahmad Azizi, berkata, bagi kesalahan itu, jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Pihak KPDNHEP dengan kerjasama agensi sempadan lain sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan barang kawalan tidak diseludup ke negara jiran.

"Masih ada pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil peluang melakukan kegiatan penyeludupan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun kami akan sedaya upaya membanteras aktiviti ini.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/04/680141/ditahan-sedang-isi-minyak-petrol-seludup>

